



# Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/UPSM/B/0007  
**Tarikh** : 17 Mei 2022

## KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 10 TAHUN 2022

### CUTI TANPA REKOD BAGI PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LGM YANG KEMATIAN SUAMI ATAU ISTERI

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan LGM Bil 3/2022 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran JPA.SARAAN (S) 256/6/31 Jld.10 (30) iaitu Penambahbaikan Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.

3. Sebagai keperluan tambahan bagi BDR, Kerajaan telah bersetuju supaya Ketua Jabatan adalah diwajibkan untuk membenarkan/mengarahkan BDR kepada pegawai yang kematian suami atau isteri sebaik sahaja tempoh tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebagaimana yang diperuntukkan dalam Ceraian SR.5.2.1 telah digunakan.

4. Tempoh pemberian BDR ini hendaklah yang bersesuaian dan tidak melebihi tempoh dua (2) minggu termasuk Hari Kelepasan Mingguan, Hari Rehat Mingguan dan Kelepasan Am tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan.

5. Bagi memenuhi maksud tersebut tafsiran mengenai Ketua Jabatan di LGM dan BDR adalah seperti berikut:

5.1 **“Ketua Jabatan”** bermaksud:

- a. Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
- b. Pegawai Tadbir Unit Pembangunan Sumber Manusia

5.2 **“BDR”** bermaksud Bekerja Dari Rumah dengan kebenaran Ketua Jabatan dan perlu membuat pelaporan tugas harian secara terperinci di dalam sistem pelaporan e-WFH mengikut Waktu Bekerja Berperingkat (WBB)

6. Memo Cuti Tanpa Rekod bagi kematian suami atau isteri yang dipohon hendaklah disertakan dengan Borang Permohonan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat dan sijil kematian/permit penguburan dan dimajukan kepada UPSM. Bagi pegawai dan pekhidmat yang memerlukan BDR selepas Cuti Tanpa Rekod perlu memajukan Memo Permohonan BDR yang disokong oleh Ketua Unit dan diperaku oleh Pengarah Bahagian sebelum dimajukan kepada Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia untuk kelulusan BDR.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

  
**(IRWAN HABIS BIN ZAINAL ABIDIN)**

s.k Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)  
Pengarah – Pengarah Bahagian

SOALAN LAZIM

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM)  
CERAIAN S.R. 4.1.2 DASAR BEKERJA DARI RUMAH

DASAR BEKERJA DARI RUMAH

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai yang kematian suami atau isteri untuk BDR?	<p>Ketua Jabatan adalah <b>diwajibkan</b> untuk mengarahkan pegawai yang kematian suami atau isteri untuk BDR sebaik sahaja tempoh tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebagaimana yang diperuntukkan dalam MyPPSM Ceraian SR.5.2.1 telah digunakan.</p> <p>Ketua Jabatan juga hendaklah menetapkan tugas yang bersesuaian dan memantau pelaksanaan tugas tersebut.</p>
2.	Bilakah arahan BDR boleh dikeluarkan oleh Ketua Jabatan untuk pegawai yang kematian suami atau isteri untuk BDR?	Arahan BDR boleh dikeluarkan oleh Ketua Jabatan sebaik sahaja tempoh Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebagaimana yang diperuntukkan dalam MyPPSM Ceraian SR.5.2.1 telah digunakan.
3.	Berapa lamakah tempoh BDR yang layak bagi pegawai yang kematian suami atau isteri?	Tempoh pemberian BDR hendaklah yang bersesuaian dan tidak melebihi dua (2) minggu termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.